



## YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH PONTIAN



Bersyukur kehadiran ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya Majlis Daerah Pontian (MDP) telah dapat menyiapkan Pelan Induk Landskap. Penyediaan pelan ini adalah selaras dengan seruan kerajaan untuk menjadikan Negara Malaysia sebuah Negara taman terindah dan menepati keperluan Garis Panduan Landskap Negara.

Pelan Induk Landskap ini bermatlamat untuk merangka program pembangunan landskap yang komprehensif bagi jangka masa 10 tahun (2009-2019) dimana dapat digunapakai untuk membantu MDP dalam pembentukan pembangunan landskap yang teratur dan terancang dengan adanya penyelarasan perancangan pembangunan landskap yang lengkap dan jelas.

Majlis Daerah Pontian menjadi tunjang dan tulang belakang kepada kepesatan pembangunan Pontian. MDP merupakan pusat tumpuan utama pembangunan bandaraya secara tidak langsung ianya menjadi pusat tumpuan kepada kawasan petempatan, perindustrian, pendidikan, pentadbiran dan lain-lain sektor sokongan. Oleh itu, dengan adanya Pelan Induk Landskap ini, kepesatan pembangunan dan kualiti persekitaran dapat diseimbangkan secara harmoni melalui pembangunan landskap yang bersepadu.

Sembilan kawasan potensi telah dikenalpasti yang mana ianya akan menjadi fokus utama kepada strategi pembangunan landskap MDP iaitu; (1) Kawasan lapang & Rekreasi, (2) Kawasan pusat Bandar utama, (3) Kawasan pusat petempatan kecil (4) Pembangunan landskap pinggiran jalan utama, (5) Sirkulasi dan pintu masuk utama, (6) Perkampungan homestay.

Akhir kata, Pihak Majlis Daerah Pontian ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menyediakan Pelan Induk Landskap ini, khususnya kepada Jabatan Landskap Negara yang telah menyediakan peruntukan kajian dan kepakaran untuk menghasilkan kajian ini. Saya berharap dengan adanya Pelan Induk Landskap ini, wawasan '**MAJLIS DAERAH PONTIAN KE ARAH EKO-PELANCONGAN**' akan dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

  
TN. HJ. MOHAMAD BIN KARIM  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pontian